

BERITA HARIAN

DATE: 16/08/2007

Kemajuan wanita drastik

PM mahu kaum hawa lebih berjaya dalam perniagaan, kerjaya

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata perkembangan yang dicatatkan wanita dalam pelbagai bidang, termasuk keusahawanan sejak negara mencapai kemerdekaan adalah satu kemajuan yang dramatik apabila ramai antara mereka yang sudah menguruskan syarikat dan perniagaan besar sendiri.

Perdana Menteri berkata, golongan wanita sekarang bukan hanya terbabit dengan perniagaan kecil-kecilan, sebaliknya menguruskan perniagaan besar dengan ramai antara mereka yang sudah menjadi ketua pegawai eksekutif (CEO), pengerusi dan ramai yang sudah mempunyai perusahaan sendiri.

"Sehubungan itu, kita mahu melihat perkembangan yang lebih hebat pada masa depan menerusi pembabitian lebih ramai golongan wanita dalam pelbagai bidang, termasuk profesional seperti peguam, pentadbir dan CEO," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Usahawan Wanita 1957-2007 anjuran Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesyen Malaysia (Peniagaawati) di sini, malam tadi.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz.

Perdana Menteri berkata, pembabitian wanita dalam pelbagai bidang bukanlah sesuatu yang sukar dicapai berikutan pada masa ini sudah pun ada ramai golongan wanita berpendidikan tinggi mahupun yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT).

"Jika sebahagian besar daripada wanita yang menamatkan pengajian di IPT menceburi bidang perniagaan, sudah tentu bilangan wanita dalam



TERUS DIHARGAI: Abdullah, Jeanne dan Rafidah bergambar dengan penerima anugerah (dari kiri) Shamsinar, Noraini, Presiden Peniagaawati, Hazimah Zainuddin, Timbalan Presiden 1 Peniagaawati, Azlin Ahmad Shaharbi, Freida dan Tengku Noor Zakiah pada Majlis Anugerah Usahawan Wanita 1957-2007 anjuran Peniagaawati di Kuala Lumpur, malam tadi.

bidang ini akan bertambah ramai.

"Ini sudah tentu akan menjadi kekuatan yang akan menyumbang kepada kemajuan wanita dalam bidang keusahawanan," katanya.

Abdullah berkata, sebagai sokongan kepada usahawan wanita, pelbagai agensi kerajaan, terutama di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang memberikan latihan secara percuma kepada wanita.

Beliau berkata, satu perkara yang beliau maklum mengenai usahawan wanita ialah sikap ketekunan dan kejujuran mereka.

"Dalam Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) baru-baru ini, saya dimaklumkan Ketua Eksekutif Amanah Ikhtiar (Malaysia) dan Tekun memberitahu bahawa lebih 90 pe-

ratus daripada wanita yang mendapat pinjaman kredit mikro menjejaskan hutang mereka," katanya.

Abdullah berkata, lebih 90 peratus pinjaman Tekun dan Amanah Ikhtiar Malaysia dibayar balik wanita dengan selebihnya, iaitu 10 peratus, adalah daripada golongan lelaki.

Perdana Menteri berkata, bagi menangani masalah pengangguran di kalangan graduan IPT, terutama wanita, kerajaan mengambil pelbagai inisiatif meramaikan mereka yang bekerja sendiri menerusi pakej latihan dan pembiayaan dana.

"Jika kita sediakan peluang pekerjaan, ia hanya untuk seorang saja, tapi jika kerja sendiri setiap mereka akan mempunyai sekurang-kurangnya dua pekerja.

"Ini seterusnya mewujudkan lebih

banyak perusahaan besar yang memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang lain," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan lima anugerah bagi setiap dekad sejak merdeka. Pemenang bagi Dekad Pertama (1957-67) ialah Allahyarhamah Atikah Mohd (Pengasas Atikah Songket); Dekad Kedua (1967-77), Tengku Datuk Paduka Noor Zakiah Tengku Ismail (Pengerusi Eksekutif Kenanga Investment Bank); Dekad Ketiga (1977-1987), Datin Freida Mohd Pilus (Pengerusi Cempaka Schools (193) Sdn Bhd); Dekad Keempat (1987-1997), Shamsinar Mohd Yusof (Pengaruh Urusan Kumpulan CD Communications Group Sdn Bhd) dan Dekad Kelima (1997-2007), Noraini Soltan (Pengaruh Urusan Sipro Plastic Industries Sdn Bhd).